

# Inovasi unjam tingkatkan pendapatan nelayan

Um 29/8/2023 Ms: 25

SESUAI dengan kedudukan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berhampiran Laut China Selatan menjadikan fokus utama universiti untuk menyumbang transformasi masyarakat ke arah pembangunan sosial dan ekonomi yang lebih mampan melalui projek pemindahan ilmu berimpak.

Naib Canselor UMT, Prof., Datuk Dr. Mazlan Abd Ghaffar berkata, menyedari isu keterjaminan makanan yang menjadi tumpuan negara pada waktu ini, UMT melaksanakan

Projek Inovasi Unjam untuk meningkatkan pendapatan dan kelestarian sumber perikanan di Pantai Batu Rakit, Terengganu sebagai salah satu usaha untuk memberi jaminan terhadap bekalan makanan.

Katanya, kira-kira 100 unjam yang dilabuhkan di perairan pantai Tok Jembal akan membantu memperkaya sumber perikanan, menjadi lubuk rezeki kepada 2,500 nelayan sekitar dengan pertambahan jumlah tangkapan ikan, mengekalkan hidupan biodiversiti serta membolehkan hidupan lain seperti karang untuk membiak.

Inovasi unjam yang diperkenalkan oleh

pasukan UMT diketuai Dr. Fazrul Hisam Abd Aziz menggunakan daun kelapa dan daun teja yang boleh diganti selepas beberapa bulan dilabuhkan dan dalam masa yang sama pemberat yang diperbuat daripada gegelung konkrit

di bahagian bawah menjadi perumah atau mini tukan kekal di dasar laut. Pemberat ini akan bertindak sebagai perumah ikan dasar dan mengurangkan impak pencerobohan pukut Tunda.

“Berbanding unjam sedia ada, kaedah yang digunakan ialah menggunakan guni pasir atau tong plastik yang telah dipotong sebagai pemberat. Teknik ini tidak kekal lama berikutan struktur unjam akan mereput.

“Projek ini berupaya menarik pelbagai jenis ikan untuk berkampung seawal seminggu dan kemudiannya membiak di sekitar unjam. Usaha yang telah dilakukan oleh pihak UMT telah membantu nelayan mengatasi isu dan permasalahan kesan perubahan iklim, pencemaran

laut, kawasan tangkapan yang terhad dan eksploitasi sumber perikanan yang berlebihan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab seperti bot pukut tunda,”

ujarnya.

Menurut Dr. Fazrul Hisam lagi hasil kajian dan soal selidik yang dijalankan kepada sekumpulan nelayan, kesukaran mereka dalam menangkap ikan berpunca daripada kemusnahan habitat perikanan. Kebanyakan perumah ikan ini musnah kerana pencerobohan kapal pukut tunda di kawasan pesisir pantai dan sekaligus menjeyakan pendapatan seharian mereka.

Di samping itu juga, faktor semulajadi seperti perubahan suhu, peningkatan aras air laut memberi kesan yang lebih buruk kepada taburan ikan.

Katanya, kawasan pesisir pantai terutamanya pada jarak kosong hingga lapan batu nautika merupakan zon penanaman yang dihuni oleh ikan yang bersaiz kecil, mempunyai nilai komersial yang tinggi serta ikan yang matang akan hadir secara bermusim untuk membiak dan menjadi menjadi habitat yang baharu kepada pelbagai jenis hidupan marin.

Dr. Mazlan turut melepaskan 20 bot membawa 100 unjam moden terbabit yang akan ditenggelamkan di sekitar perairan Tok Jembal dengan penglibatan kira-kira 30 nelayan sekitar.



UNJAM daripada daun teja dan daun kelapa serta gegelung konkrit yang digunakan dalam inovasi unjam hasil penyelidikan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).